

---

## WARISAN KESULTANAN MELAYU.

1.

a) Konsep daulat .

- Seorang raja dianggap berdaulat setelah ditabalkan di dalam istiadat pertabalan secara rasmi.
- Rakyat mengiktiraf kedaulatan seseorang sultan yang berdaulat dengan seruan DAULAT TUANKU.
- Sultan dianggap sebagai tunggak bagi menyatupadukan rakyat, mengamankan dan memakmurkan negeri.

b) Kepentingan konsep.

- Wujud satu kepercayaan bahawa rakyat tidak boleh derhaka kepada raja.
- Orang-orang Melayu pada zaman dahulu tidak berani menderhaka kepada raja.
- Golongan raja dapat mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan mereka.

c) Rakyat harus menerima konsep tersebut dengan cara:

- Menurut dan menjalankan titah raja dan perintah kerajaan dengan penuh ketaatan dan kesetiaan.
- Seseorang yang enggan dianggap menderhaka.

2.

a) Cara sultan mengukuhkan konsep daulat:

- Melalui keistimewaan yang dimiliki oleh raja seperti penggunaan bahasa, warna, alat kebesaran dan musik diraja.
- Kelainan seseorang raja yang memerintah dengan rakyat biasa.

b) Contoh-contoh hak keistimewaan dan kelainan diraja:

**PENGGUNAAN BAHASA.**

- Digunakan oleh raja dan kaum dan kerabatnya sahaja.
- Tidak boleh digunakan oleh rakyat biasa.
- Antara perkataan-perkataannya ialah santap, beradu, gering, beta, bersiram dan sebagainya.

**ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA.**

- Cop Mohor merupakan lambang kuasa raja dan digunakan dalam urusan rasmi kerajaan.
- Alat-alat kebesaran lain ialah ketur, kendi, kipas, tepak sireh, senjata dan payung ubur-ubur.
- Alat-alat ini akan dibawa bersama raja dan diletakkan bersebelahan raja di balai rung seri.

**PENGGUNAAN WARNA**

- Warna diraja ialah warna kuning.
- Semua peralatan dan perabut di istana berwarna kuning
- Payung putih dihaskan untuk raja, anak raja dan kaum kerabat.
- Emas hanya boleh dipakai oleh raja dan kerabatnya. Rakyat dilarang memakai barangan kemas melainkan dengan anugerah daripada raja.
- Rakyat juga dilarang menggunakan warna kuning.

**MUZIK DIRAJA ATAU NOBAT.**

- Nobat berasal daripada perkataan Arab iaitu NAUBAH yang bermaksud gabungan 9 jenis gabungan alat muzik.
- Digunakan di dalam upacara-upacara rasmi di istana seperti perkahwinan, pertabalan, kelahiran, keberangkatan dan kemangkatan sultan .

3.

a) PERANAN PEMBESAR BEREMPAT DALAM ZAMAN KESULTANAN MELAYU .

- Pembesar diperingkat pusat semasa Kesultanan Melayu Melaka ialah :

**BENDAHARA.**

- Menjadi ketua dalam pentadbiran kerajaan.

- Menjadi pemangku raja sekiranya sultan keluar negeri.
- Menjadi ketua turus angkatan tentera dalam masa peperangan yang meliputi tentera laut dan tentera darat.
- Menjalankan hukuman kecuali hukuman mati.
- Melantik sultan baru untuk menaiki tahta kerajaan .
- Ketua adat istiadat dan penjaga alat kebesaran diraja.
- Menguruskan istiadat pertabalan sultan-sultan baru.

#### PENGHULU BENDAHARI.

- .Menjadi ketua pemegang amanah dan harta kerajaan.Sama seperti Menteri Kewangan pada masa sekarang.
- Menjadi ketua bagi adat istiadat dan acara rasmi diraja dsi istana.
- Menjadi ketua kepada semua bendahari raja ,ketua kepada syahbandar yang terdapat di Melaka.
- Mengendalikan hamba –hamba raja .
- Mempunyai peranan dalam bidang ketenteraan ,iaitu seorang Penghulu Bendahari harus mempunyai sifat hulubalang dan pintar dalam ilmu peperangan.
- Memungut cukai dan menjaga harta benda raja .
- Bertanggungjawab untuk menjaga bangunan.

#### TEMENGGUNG.

- Disamakan dengan jawatan Ketua Polis Negara pada masa sekarang .
- Bertanggungjawab dalam hal ehwal awam dan bidang ketenteraan.
- Menjaga keamanan dan keselamatan negeri.
- Menyelesaikan kes-kes jenayah yang kecil.
- Menentukan undang-undang dijalankan dengan sempurna.
- Menjadi pengiring apabila sultan berangkat menaiki gajah.
- Bertanggungjawab mengatur susunan tempat duduk orang yang datang menghadap sultan.
- Bertanggungjawab menentukan sukatan dan timbangan yang betul di pasar.

#### LAKSAMANA.

- Tugas rasmi adalah di dalam bidang ketenteraan .
- Sebagai raja di laut dan mengetuai angkatan di laut.
- Menjaga perairan Melaka.
- Menjaga keselamatan peribadi sultan dan bendahara.
- Mengetuai urusan politik.

#### b)PERANAN PEMBESAR WILAYAH ATAU DAERAH.

- Menyerahkan sebahagian daripada hasil pendapatan dan cukai kepada pemerintah.
- Menyediakan tenaga buruh untuk membina istana yang baru.
- Membina kapal untuk raja.
- Membina panggung dan pentas serta perhiasan istana untuk menyambut perayaan adat dan agama.
- Membekalkan tenaga ketenteraan kepada kerajaan .
- Menghadap sultan dan menjalankan adat istiadat menjunjung duli pada tiap-tiap sambutan Hari Raya Puasa.Sekiranya mereka gagal melakukannya ia merupakan satu kesalahan yang amat berat.
- Menjaga dan mengekalkan keamanan seluruh kawasan pentadbirannya.
- Dibenarkan menjalan kegiatan ekonomi sendiri dan mempunyai pengikut yang ramai

4.

#### a)KEDUDUKAN PEMIMPIN AGAMA DAN MAGIS DALAM MASYARAKAT MELAYU.

- Di pandang tinggi dengan kebolehan yang di tunjukkan
- Di percaya oleh masyarakat.

#### b)PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH MEREKA DALAM MASYARAKAT TERSEBUT.

- Pemimpin agama sebagai imam , khatib ,atau bilal.
- Mengetuai dan menguruskan soal ibadat di masjid.
- Pawang atau bomoh boleh menyembuhkan pelbagai penyakit dengan kuasa magis.
- Banyak pengikut .

c)TUGAS-TUGAS PEMBESAR DIPERINGKAT KAMPUNG.

- Memungut cukai bawah.
- Membekalkan tentera semasa peperangan.
- Memastikan rakyat di kampungnya memberi taat setia kepada sultan yang memerintah.
- Membekalkan tenaga buruh untuk raja.
- Pemimpin agama , mengetuai dan menguruskan soal ibadat di masjid.
- Pawang atau bomoh mempunyai kuasa magis dan boleh menyembuhkan pelbagai penyakit.

5

a) ASAL USUL DAN FUNGSI NOBAT DALAM PEMERINTAHAN MELAYU.

- Nobat berasal daripada perkataan Arab iaitu Naubah yang bermaksud gabungan sembilan jenis alat muzik.
- Digunakan dalam upacara-upacara rasmi di istana seperti perkahwinan, kelahiran, pertabalan, keberangkatan dan kemangkatan sultan.
- Alat-alat nobat terdiri daripada nafiri, serunai, gendang besar, gendang nobat besar dan gendang nobat kecil.

6)

a)BENTUK HUBUNGAN LUAR NEGERI-NEGERI MELAYU.

- Dengan pemberian ufti dan perkahwinan.
- Dengan mengirim utusan keluar negeri dan menerima baik utusan-utusan negeri-negeri lain.
- Mengadakan peraturan-peraturan apabila menyambut rombongan rasmi .

b)CONTOH-CONTOH DAN KEPENTINGAN HUBUNGAN TERSEBUT.

- Perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Puteri Hang Li Po dari China telah membawa hubungan rapat di antara China dan Melaka.

7

a) HUBUNGAN MELAKA DENGAN SIAM.

- ( 1402-1405 ) Parameswara menghantar ufti ke Siam.
- ( 1445-1456 ) Siam menyerang Melaka dari Muar.Serangan kedua Siam dari Batu Pahat.
- ( 1459-1477 ) Melaka menyerang dan menakluk Pahang .
- ( 1498-1500 ) Melaka meluaskan kuasa ke Patani.

HUBUNGAN MELAKA DENGAN CHINA.

- ( 1402-1404 ) Lawatan Yin Ching ke Melaka dan Parameswara meminta pertolongan.
- ( 1405 ) Melaka telah di isytiharkan sebagai negeri naingan China.
- ( 1407 ) Siam di beri amaran supaya tidak menyerang Melaka.
- ( 1411-1413 ) Laksamana Cheng Ho melawat Melaka.Parameswara melawat China .
- ( 1414 ) Megat Iskandar Syah melawat China untuk di iktiraf sebagai pengganti Parameswara.
- ( 1415-1418 ) Menghantar utusan ke China.
- ( 1419 ) Melawat China buat kali kedua dan membuat aduan mengenai ancaman Siam.
- ( 1423 ) Sri Maharaja ke China untuk diiktiraf sebagai Sultan Melaka.
- ( 1456 ) Sultan Muzafar Shah menghantar utusan ke China atas nsihat Tun Perak.
- ( 1459 ) Beliau mengahwini Puteri Hang Li Po untuk mewujudkan hubungan baik dengan China.
- ( 1488-1511 ) Perhubungan dengan China tamat.

b) HUBUNGAN MELAKA DI ANTARA NEGERI-NEGERI NAUNGANYA

- membenarkan negeri negeri naungannya melaksanakan undang-undang sendi tetapi hukuman bunuh mestilah mendapat kebenaran daripada Sultan Melaka .
- Hasil hasil pengeluaran negeri mestilah di eksport menerusi pelabuhan Melaka sahaja .
- Negeri – negeri takluk dan naungan menggunakan istilah sembah dan apabila utus surat ke Melaka untuk menunjukkan taraf mereka lebih rendah daripada Melaka.
- Mereka bertanggungjawab menghantar ufti dalam bentuk wang atau barangan.
- Raja atau pembesar dari masa ke semasa di kehendaki mengadap Sultan Melaka sebagai mengakui kedaulatan baginda dan menunjukkan taat setia mereka.
- Apabila Sultan Melaka berangkat ke luar negeri,raja di negeri taklukan dan naungan di kehendaki mengiringi baginda

a) PERSIAPAN YANG PERLU DIBUAT UNTUK MENGHADIRINYA.

- Pakaian mestilah tertib dan sopan dengan bertanjak, berpancung dan berkeris dihadapan.
- Tidak dibenarkan memakai kain kasa.
- Berbahasa dengan sultan mestilah menggunakan Tuanku dan mestilah berbahasakan diri patik.
- Semasa menghadap raja dibalai rung mestilah tahu pantang larangnya.

b) KEADAAN SEMASA BERADA DI ISTANA SEHINGGA MAJLIS PEMBACAAN PERUTUSAN.

- Mereka disambut dengan penuh alat kebesaran kerajaan seperti gendang dan serunai.
- Daisambut oleh menteri dan bentara bergajah.
- Sida-sida akan membawa surat atau perutusan.
- Gajah yang membawa surat atau perutusan akan dikepilkan di hujung balai.
- Surat dibawa dan dibaca oleh khatib

c) FUNGSI ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA.

- Alat kebesaran raja ialah cop mohor.
- Melambangkan kuasa raja yang memerintah.
- Digunakan dalam surat-menyurat rasmi.
- Alat kebesaran lain seperti ketur, kipas, tepak sireh, pedang, lembing, tombak berambu dan payung ubur-ubur yang berwarna kuning dibawa bersama-sama ketika raja berangkat dan diletakkan bersebelahan raja apabila baginda bersemayang di balai rung seri.

9

a) GAYA HIDUP GOLONGAN BANGSAWAN .

- Amalan adat istiadat, protokol cara berpakaian, cara bertutur dan bahasa.
- Istiadat perlantikan dan pertabalan raja sebelum islam dimulai dengan pembacaan ciri.
- Selepas ialam amalan ini dihapuskan tetapi diadakan istiadat melafaz ikrar oleh sultan dan pembesar.
- Istiadat kemangkatan dan pemakanan raja dan kerabatnya ialah peganti sultan mesti dilantik dihadapan jenazah.
- Istiadat menjunjung duli dilakukan oleh pembesar untuk menunjukkan taat setia kepada sultan.

b) KEGIATAN MASA LAPANG MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL DAPAT MELAHIRKAN MASYARAKAT BERILMU DAN BERHARMONI.

- 

c) DALAM MASYARAKAT HARI INI GAYA HIDUP MASYARAKAT MELAYU DIAMALKAN DENGAN:

a) JELASKAN PERANAN PEMBESAR BEREMPAT DALAM ZAMAN KESULTANAN MELAYU.

Di Melaka, terdapat empat gelaran pembesar utama diperingkat pusat iaitu Bendahara, Penghulu bendahari, Temenggong dan Laksamana. Seseorang pembesar yang layak dilantik menjadi bendahara, mestilah terlebih dahulu memegang jawatan Penghulu Bendahari dan Temenggong. Pembesar-pembesar ini mempunyai kuasa mentadbir yang meliputi seluruh negeri. Bendahara merupakan orang yang kedua berkuasa di Melaka selepas sultan. Seseorang bendahara memiliki kuasa kewibawaan yang terbesar dalam hierarki pentadbiran. Ia juga sebagai penasihat utama dan pengendali peribadi raja. Sewaktu ketiadaan Raja, Bendahara akan berfungsi sebagai wakil raja atau pemangku raja. Bendahara akan mengetuai pentadbiran kerajaan dan semua pegawai-pegawai di Melaka adalah di bawah kawalannya.

Peranan Bendahara juga sebagai ketua pentadbiran kerajaan, penasihat raja dalam segala hal berkaitan dengan pemerintahan. Beliau juga menjadi pemangku raja. Ini kerana apabila sultan keluar negeri Bendahara akan mengambil tugas sebagai sultan. Selain itu, Bendahara menjadi ketua turus angkatan tentera dalam masa peperangan yang meliputi tentera laut dan tentera darat. Hukuman yang akan dipertanggungjawabkan dan akan dilaksanakan ialah dengan menjalankan segala hukuman kecuali hukuman mati. Selain itu beliau juga ditugaskan melantik sultan baru untuk menaiki takhta kerajaan. Dalam istiadat raja, Bendahara menjadi ketua adat istiadat dan penjaga alat

bendahara adalah secara warisan iaitu daripada ayah kepada anak ataupun abang kepada adik. Bendahara juga mempunyai gelaran-gelaran tertentu contoh SRI WAK RAJA, SRI PADUKA RAJA. Kawasan pegangan adalah kawasan Muar dan Bintan.

Peranan pembesar diperingkat jajahan dan daerah ialah menyerahkan sebahagian daripada hasil pendapatan dan cukai kepada pemerintah, menyediakan tenaga ketenteraan kepada kerajaan dan dikehendaki menghadap sultan dan melaksanakan istiadat menjunjung duli pada tiap-tiap sambutan Hari Raya Puasa. Sekiranya mereka gagal melakukannya ia merupakan satu kesalahan yang amat berat.

Penghulu Bendahari mempunyai fungsi yang sama seperti menteri kewangan pada masa sekarang. Ia merupakan jawatan kedua penting selepas bendahara dalam majlis tertinggi. Peranan penghulu Bendahari ialah menjadi ketua adat istiadat dan acara rasmi di Raja istana, ketua kepada ayah bandar yang terdapat di Melaka dan juga mengendalikan hamba-hamba raja. Penghulu Bendahari juga mempunyai peranan dalam bidang ketenteraan, iaitu seorang penghulu bendahari harus mempunyai sifat hulubalang dan pintar dalam ilmu peperangan. Di kerajaan Melayu Melaka, ia bertugas sebagai menteri kewangan dan memungut cukai dan menjaga harta benda raja. Bangunan istana juga dipertanggungjawab untuk menjaganya.

Jawatan Temenggung boleh di samakan dengan jawatan ketua polis negara pada masa sekarang. Beliau bertanggungjawab dalam hal ehwal awam dan bidang ketenteraan. Tugas pentingnya ialah menjaga keamanan dan keselamatan dalam negeri. Peranan Temenggung juga ialah menyelesaikan kes-kes yang kecil, menentukan undang-undang di jalankan dengan sempurna. Temenggung juga menjadi pengiring apabila sultan berangkat menaiki gajah, bertanggungjawab mengatur susunan tempat duduk orang yang datang menghadap sultan. Temenggung juga bertanggungjawab menentukan sukatan dan timbangan di pasar. Ini mengelak daripada pelanggan tertipu. Kawasan pegangan atau kawasan yang dijaga tidak di khususkan kerana semua kawasan menjadi tanggungjawab Temenggung untuk menjaga keamanan di dalam negeri.

Laksamana pula bertugas di dalam bidang ketenteraan. Tugas ini adalah paling penting yang utama. Laksamana sebagai raja di laut mengetuai angkatan laut. Ini penting kerana kegiatan dilaut adalah nadi pergerakan perdagangan dan perniagaan bagi Melaka. Laksamana yang terkenal di zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah Laksamana Hang Tuah. Kawasan pegangan atau dipertanggungjawab ialah Siantan dan Sungai Raya. Antara peranan Laksamana bagi menjaga kawasan mereka ialah menjaga perairan Melaka dan mengetuai angkatan tentera untuk menjaga keamanan, menjaga keselamatan peribadi sultan dan bendahara, mengetuai urusan politik dan perdagangan ke luar negeri.

#### **8. APAKAH PERSIAPAN YANG PERLU ANDA BUAT UNTUK MENGHADIRI MAJLIS MENYAMBUK PERUTUSAN LUAR.**

Ketika menghadap raja pakaian seseorang itu mestilah tertib dan sopan dengan bertanjak, berpancing, dan berkeris dihadapan. Seseorang itu tidak dibenarkan memakai kain kasa iaitu kain nipis yang menampakkan kulit. Apabila berbahasa dengan sultan, istilah TUANKU dan seseorang itu mestilah membahaskan dirinya PATIK. Semasa menghadap raja di balai rung terdapat cara dan larangannya. Contohnya, sekiranya seseorang itu duduk berjantai kaki, ia merupakan satu kesalahan yang besar. Cara menyambut tetamu dan utusan rasmi juga hendaklah dibuat mengikut protokol. Mereka akan disambut dengan penuh alat kebesaran kerajaan seperti gendang, serunai, nafiri, magara, dan payung putih dua berapit. Mereka juga disambut oleh menteri dan bentara bergajah dan sida-sida yang akan membawa surat atau perutusan tersebut. Gajah yang membawa surat atau perutusan tersebut.